

## SIMBOL PARTI GERAKAN

Simbol parti terdiri daripada Lambang Parti dan Bendera Parti. Lambang Parti terdiri daripada 5 tangkai padi emas yang mempunyai 12 butir padi dengan latar belakang berwarna hijau, yang disertakan dalam bentuk segi tiga sama putih. Bendera Parti mempunyai lambang pada latar belakang berwarna merah yang melambangkan Kehidupan dan Keberanian.



Latar belakang **HIJAU** melambangkan persekitaran dan bumi, adalah asas kemakmuran dan kehidupan yang lebih baik.

Butiran padi **EMAS** melambangkan Kemakmuran.

Segi tiga **PUTIH** melambangkan Kesaksamaan, Kesucian dan Keadilan.

5 tangkai padi melambangkan 5 golongan masyarakat. Mereka terdiri daripada orang Melayu, Cina, India, orang asli (pribumi) dan lain-lain. Mereka disatukan oleh ikatan yang sama. Semua golongan masyarakat ini menghargai beras. Oleh itu ia merupakan simbol penyatuan.

12 butir padi di setiap tangkai melambangkan 12 bulan Kemakmuran, Keharmonian, Keadilan dan Kemurnian untuk semua.

Sejumlah 60 butir padi melambangkan kitaran 60 bulan Pilihanraya, satu tempoh jawatan untuk memastikan perkara-perkara di atas.

## **LAGU PARTI – SATU HATI**

Gerakan nadi ibu pertiwi. Cabaran bersama dihadapi.  
Penuh keazaman berdedikasi. Mencapai cita-cita murni.  
Pelbagai Bangsa satu keluarga. Berbakti untuk negara.  
Menegakkan demokrasi agar Negara terus dihormati.

**Satu hati, kita satu hati!**

**Wan zhong yi xin, wo men wan zhong yi xin!**

**Ondru padu vom, nahm ondru padu vom!**

**Satu hati, kita satu hati!**

Berpandu prinsip Rukunegara. Maju makmur adil saksama.  
Gerakan turut bersama. Mencapai wawasan negara.

**Satu hati, kita satu hati!**

**Wan zhong yi xin, wo men wan zhong yi xin!**

**Ondru padu vom, nahm ondru padu vom!**

**Satu hati, kita satu hati!**

**Satu hati, kita satu hati!**